



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN MAJLIS SUKAN NEGARA  
MALAYSIA**

---

1. Lembaga Pengurusan Majlis Sukan Negara (MSN) telah bermesyuarat bagi Penggal Ke-23 telah bermesyuarat pada Isnin, 30 Januari 2023 dan telah membuat 3 lantikan baharu yang diharapkan dapat membantu pengurusan Majlis iaitu:
  - i) YBhg. Dato' Laksamana Pertama (B) Dato' Subramaniam Raman Nair mewakili Majlis Paralimpik Malaysia;
  - ii) En. Stuart Ramalingam yang mempunyai pengalaman luas dalam sektor industri sukan; dan
  - iii) En. Alan Ling Sie Kiong yang mempunyai pengalaman dalam sektor perundangan dan pengurusan badan sukan.
  
2. Mesyuarat kali ini membincangkan cadangan penambahbaikan program dan tadbir urus pengurusan Majlis termasuk dalam aspek keberkesanan pengurusan kewangannya. Selain daripada itu, inisiatif penjana pendapatan menerusi penajaan turut dibincangkan bagi program-program yang dikenalpasti khususnya bagi memastikan "talent pipeline" yang lebih berkesan di peringkat pembangunan.
  
3. Mesyuarat turut diberikan laporan perkembangan beberapa program utama Majlis seperti Program Gold Paris 2024 dan program-program lain yang dikendalikan oleh Pengurusan Majlis.

**Lembaga Pengurusan Majlis Sukan Negara**

Pengerusi:

YB Hannah Yeoh

Ahli:

- YBhg. Tan Sri Dato' Sri Mohamad Norza bin Zakaria
- YBhg. Datuk Wira Lee Chong Wei
- YBhg. Dato' Hamidah binti Naziadin
- En. Idwan Ariff bin Abdul Rahman
- Puan Nurul Huda binti Abdullah
- YBhg. Dato' Laksamana Pertama (B) Dato' Subramaniam Raman Nair
- En. Stuart Michael Ramalingam
- En. Alan Ling Sie Kiong

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**31 JANUARI 2023**